

24/10/2003

Sidang Apec tahun depan terasa ketiadaan Dr Mahathir

Khaidir Abdul Majid

LAZIMNYA, akhbar tempatan di negara tuan rumah sidang kemuncak Apec akan memilih gambar pemimpin tuan rumah bersama pemimpin lain, terutama Presiden Amerika Syarikat (AS), untuk dipaparkan pada muka depan, selepas

berakhirnya mesyuarat tahunan forum serantau itu.

Gambar Presiden AS sentiasa di pilih kerana negara itu adalah kuasa ekonomi terbesar dunia dan semestinya berpengaruh di mana-mana forum antarabangsa, dalam apa bidang sekalipun.

Gambar pemimpin tuan rumah pula dipilih bagi merekodkan kejayaan negara

tuan rumah menganjurkan sidang kemuncak yang mengumpulkan 21 pemimpin negara maju dan membangun itu.

Namun, akhbar berbahasa Inggeris Thailand, The Nation mengambil pandangan yang lain.

Akhbar itu memaparkan hanya dua watak, iaitu Presiden George W Bush dan

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai gambar utama muka depannya semalam,

sehari selepas berakhirnya sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik

(Apec) di sini.

Hanya akhbar itu saja mengetahui niat sebenarnya memilih gambar berkenaan, tetapi kita boleh agak, The Nation mungkin mahu memaparkan dua

watak yang paling mempengaruhi mesyuarat Apec kali ini.

Bush siang-siang lagi memang mendapat perhatian akhbar di sini, sejak bermulanya mesyuarat peringkat pegawai kanan Apec 14 Oktober lalu, disusuli mesyuarat peringkat menteri (AMM) pada 17 dan 18 Oktober.

Sejurus ketibaan kebanyakan pemimpin Apec Ahad lalu untuk menghadiri sidang kemuncak dua hari yang bermula Isnin, akhbar The Nation, menyiarkan

wawancara khasnya dengan Bush.

Namun turut mencuri perhatian di akhbar The Nation dan pesaing rapatnya

Bangkok Post ialah Perdana Menteri, walaupun sebelum Dr Mahathir membuat ucapannya di Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya, Khamis

lalu

yang mengundang kecaman beberapa pemimpin negara barat, termasuk AS.

Selepas ucapan OIC itu yang turut menyentuh perihal Yahudi, perhatian media terhadap Dr Mahathir semakin menjadi-jadi dengan wartawan antarabangsa mencari-cari peluang untuk bertanyakan soalan kepada Perdana

Menteri.

Antara peluang pertama yang diperoleh ialah di Hotel Shangri-la di sini

Isnin lalu, apabila Perdana Menteri terbabit dalam majlis dialog mengenai

globalisasi, pada Sidang Kemuncak Ketua Eksekutif, satu acara sampingan

tradisi mesyuarat pemimpin Apec.

Namun, wartawan yang menunggu di depan pintu utama hotel itu bersama-sama beberapa krew televisyen, hampa kerana Perdana Menteri memasuki ikut

pintu lain, selepas memilih menaiki bot dari hotel penginapannya, Hotel Peninsula di seberang sungai Chao Phraya.

Bangkok Post tidak sehampa rakan wartawan yang lain kerana mendapat wawancara eksklusif dengan Dr Mahathir yang disiarkannya dalam bentuk bahan berita pada muka depan dan transkrip penuh di muka rencana, keesokan harinya.

Bagi wartawan yang lain, peluang mereka akhirnya tiba juga, iaitu ketika

sidang media Dr Mahathir, sejeurus tamat sidang kemuncak Apec kelmarin.

Sidang media itu diadakan di dewan plenari, Pusat Konvensyen Ratu Sirikit di sini, sejam selepas Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra dan hos Apec 2004, Presiden Chile, Lagos Escobar mengadakan sidang akhbar di tempat yang sama.

Peluang untuk mengutarakan soalan kepada Dr Mahathir itu tidak disia-siakan oleh wartawan yang membuat liputan mesyuarat Apec itu, dengan kehadiran kira-kira 300 petugas media.

Lebih 20 soalan mengenai isu daripada Apec, WTO, Myanmar, kewangan antarabangsa, Yahudi, keganasan, hubungan dengan Australia, hubungan dengan AS, hubungan dengan Thailand ditanya kepada Dr Mahathir oleh wartawan dari sekurang-kurangnya 10 nationaliti, termasuk Israel.

Dr Mahathir seperti biasa menjawab soalan dengan tenang, mempamerkan persepsinya yang tajam mengenai isu yang dikemukakan.

Selepas sidang akhbar itu, Dr Mahathir mendapat tepukan daripada wartawan yang hadir, menandakan penghargaan mereka kepada pemimpin yang sentiasa memberi bahan berita yang menarik di persidangan Apec, setiap tahun sejak 1993.

Seorang wartawan agensi berita antarabangsa yang berpangkalan di Manila, berkata ketiadaan Dr Mahathir di Apec tahun depan akan dirasai.

Ini kerana Perdana Menteri yang akan mengundur diri akhir bulan ini, selama ini menjadi kuasa pengimbang kepada pengaruh besar AS pada forum itu, menyuarakan kebimbangan negara membangun terhadap isu yang dibawa untuk perbincangan pemimpin Apec.

"Mungkin ramai yang boleh mengemukakan isu berkenaan, tetapi untuk menyuarakannya dengan secara terang dengan perspektif yang segar, dan pada masa sama mempengaruhi pemimpin lain, adalah kebolehan Dr Mahathir yang ketara," katanya.

Wartawan veteran sidang kemuncak Apec itu berkata, pengaruh Dr Mahathir

terasa sejak sidang kemuncak pertama di Blake Island, Seattle, Amerika Syarikat lagi yang dihos Presiden Bill Clinton pada 1993.

"Walaupun Dr Mahathir tidak hadir mesyuarat itu, nama beliau tetap disebut-sebut," katanya.

Australia antara negara pengasas Apec, marah dengan tindakan Dr Mahathir

itu dengan Perdana Menteri ketika itu, Paul Keating menyelar Dr Mahathir dan mengecop beliau sebagai recalcitrant atau degil.

Selepas sidang kemuncak sulung itu, kata wartawan berkenaan, pengaruh

Dr

Mahathir sentiasa terasa di sidang kemuncak berikutnya dengan Malaysia antara lain berjaya memuatkan klausa 'tidak mengikat' bagi setiap keputusan yang dibuat Apec.

Mesyuarat di Bangkok kali ini tidak ada bezanya, dengan Malaysia berjaya mengimbang pengaruh AS mengenai isu seperti rundingan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan keselamatan.

Apec Chile mungkin setahun lagi, tetapi akhbar Thailand, sudah menjaja Thaksin untuk mengambil alih peranan 'kuasa pengimbang' ini yang amat diperlukan bagi memastikan kepentingan negara membangun tidak diketepikan negara maju.